

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN RANCANGAN PEMASYARAKATAN PERPADUAN

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 01 AUG 1988

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Menteri-Menteri;
Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan
Ketua Menteri;
Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana di atas limpah kurniaNya dapat kita berjumpa di majlis ini yang mempunyai makna yang besar kepada kita semua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara kerana menjemput saya hadir sama di perhimpunan ini dan seterusnya untuk merasmikan Pelancaran Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang datang dari jauh dan dekat dan dari berbagai golongan dan lapisan masyarakat, untuk menyertai majlis ini.

2. Seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada semua yang dilantik sebagai ahli-ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara. Semoga berkat sumbangan dan usaha saudara-saudari sekalian, kita dapat membantu mengukuhkan lagi perpaduan dan membentuk sebuah bangsa yang kuat dan teguh. Saya sedar bahawa tugas memimpin rakyat untuk menjadi satu bangsa Malaysia yang padu dan kuat bukanlah satu usaha yang senang. Inilah satu-satunya tanggungjawab yang amat berat, yang penuh masalah dan sentiasa menghadapi berbagai-bagai cabaran. Usaha kita ini akan menghadapi berbagai-bagai rintangan. Walau bagaimanapun, kita akan tetap menjalankan tugas ini. Kita akan pikul tanggungjawab yang berat ini, bukan hanya sebagai tugas, bahkan juga sebagai suatu perjuangan demi kesejahteraan anak-anak kita dan negara di masa depan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Atas kesedaran bahawa negara Malaysia terdiri dari pelbagai keturunan, Kerajaan telah menentukan perpaduan sebagai matlamat utama dalam usaha membangunkan bangsa dengan identitinya tersendiri. Sehubungan dengan ini, Kerajaan sentiasa berwaspada dan memikirkan strategi dan perancangan tertentu, untuk menghadapi masalah dan isu yang berkaitan dengan perpaduan nasional. Ini termasuklah bukan sahaja strategi ke arah pencegahan untuk mengelakkan

daripada berlakunya rusuhan kaum, bahkan juga seiring dengannya, pendekatan baru yang berbentuk pemulihan, supaya negara dapat mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi, tanpa diganggu oleh masalah-masalah perkauman yang tebal.

4. Justeru itu, apabila isu-isu yang menyentuh aspek perkauman digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu, Kerajaan terpaksa bertindak dengan cepat dan tegas untuk membendung sebarang kemungkinan rusuhan kaum. Ini bukanlah bermakna bahawa Kerajaan tidak toleran terhadap pandangan atau pendapat yang berbeza daripada pendirian Kerajaan. Kritikan terhadap Kerajaan adalah satu perkara yang Kerajaan sanggup terima. Sekarang inipun kritikan terhadap Kerajaan dilemparkan dengan bebas tanpa apa-apa sekatan oleh Kerajaan. Tetapi kritikan yang diasaskan kepada perkauman yang boleh mengancam harmoni antara kaum adalah perkara yang lain. Kita tidak sanggup membiarkan kegiatan ini meningkat ke tahap yang merbahaya seperti yang berlaku pada tahun 1969. Nyawa mereka yang terkorban pada 13 Mei 1969 tidak boleh disia-siakan. Ia harus menjadi pengajaran kepada kita sepanjang masa.

5. Kita perhatikan bahawa pergolakan dan pergaduhan yang telah dan sedang berlaku di sebilangan negara lain disebabkan bukan sahaja kerana pertelingkahan antara kaum, bahkan juga kerana pertelingkahan antara rakyat daripada kaum yang sama. Oleh itu, walaupun faktor kaum boleh menjadi asas pergaduhan, faktor-faktor lain juga tentulah memainkan peranan. Di antaranya ialah kurang ketegasan Kerajaan untuk membendung potensi pertelingkahan di peringkat yang awal. Kerajaan tidak boleh takut dikecam kerana kurang toleran sehingga membiarkan sesuatu masalah membakar hati sehingga tidak dapat dibendung lagi. Jika berlaku rusuhan dan keganasan, Kerajaan akan dikecam juga. Adalah lebih baik dikecam tanpa rusuhan daripada dikecam kerana tidak bertindak mencegah rusuhan.

6. Kerajaan mempunyai falsafah yang jelas dari segi corak dan arahluan pentadbirannya, iaitu membangunkan sebuah bangsa yang mempunyai maruah dan identitinya sendiri, malah berkeupayaan serta berkebolehan dalam segala segi kemahiran yang diperlukan secara menyeluruh -- fizikal, mental, material dan kerohanian. Ini bermakna bahawa seluruh masyarakat di negara ini, baik daripada keturunan Melayu, Kadazan, Iban, Cina, Murut dan India mahupun daripada kaum-kaum minoriti seperti Kelabit, Melanau, Serani, Portugis, Orang Asli, semuanya mempunyai peranan untuk menyumbang kepada proses pembangunan bangsa.

7. Sebagai peninggalan sejarah daripada penjajah, masyarakat kita telah dibahagi-bahagikan berasaskan kepada pekerjaan dan tempat tinggal. Ini menyebabkan ada sebahagian besar daripada golongan masyarakat kita yang telah tertinggal jauh di belakang dari segi ekonomi dan pendidikan, dan amat terikat dengan budaya aktiviti ekonomi bercorak tradisional di kawasan luar bandar. Di samping itu, ada pula sebahagian lain daripada masyarakat kita

begitu teguh dalam bidang-bidang ini dengan kedudukan ekonomi dan kebolehan dalam penggunaan teknologi moden. Sebahagian besar daripada golongan kedua ini bermastautin di dalam kawasan-kawasan bandar.

8. Di sinilah terletak mengapa perpaduan sukar dicapai dan satu bangsa Malaysia sukar dibentuk. Kaum-kaum di Malaysia bukan sahaja dipisahkan antara satu dengan yang lain kerana kaum yang berlainan, tetapi juga dipisahkan pula kerana pencapaian ekonomi dan tempat tinggal. Walaupun perkembangan penggunaan Bahasa Malaysia telah dapat mengurangkan sedikit jarak antara kaum tetapi faktor ekonomi dan persekitaran masih mengganggu perhubungan.

9. Oleh itu, salah satu matlamat utama Kerajaan dalam bidang pembangunan ialah supaya kekayaan negara dinikmati secara saksama oleh semua golongan. Untuk ini terpaksa pertolongan yang lebih diberi kepada kaum-kaum yang ketinggalan. Namun demikian pembasmian kemiskinan tidak boleh dihadkan kepada kaum yang terkebelakang sahaja. Semua kaum perlu ditolong untuk mengatasi kemiskinan. Dengan tindakan ini, pengenalan kaum dengan jenis kerja dan kawasan diharap akan dapat dihapuskan.

10. Bukanlah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengambil daripada kaum yang kaya dan memberikannya kepada kaum yang miskin. Yang akan dibuat ialah pembesaran ekonomi dan daripada bahagian yang membesar ini, pembahagian akan dibuat supaya perbezaan ekonomi antara kaum tidak akan begitu ketara. Penyusunan semula masyarakat perlu dilakukan kerana kemahiran yang khusus dalam semua bidang perlu dimiliki oleh semua golongan masyarakat dan bukan oleh golongan-golongan yang tertentu sahaja. Sekiranya semua proses penyusunan semula ini dapat dijayakan, kaum-kaum di negara ini tidak akan begitu terpisah sama ada di kediaman atau di tempat kerja. Dengan ini mereka akan lebih mudah berkenal-kenalan dan mempunyai kepentingan yang sama. Inilah Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Di zaman penjajah hanya satu golongan yang kecil sahaja daripada kaum-kaum yang berada di Malaysia yang dapat menjalinkan perhubungan. Mereka ini ialah yang berpeluang belajar bersama-sama di sekolah-sekolah Inggeris. Oleh kerana latar belakang ekonomi mereka tidak terlalu berbeza, adalah mudah bagi mereka mengeneipkan perasaan perkauman. Pelajaran yang dikuasai oleh mereka menjadikan mereka orang yang terkemuka dalam masyarakat. Mereka inilah yang menjadi pemimpin semasa menentang rancangan British untuk menjadikan negara kita jajahan takluk Britain. Semasa perjuangan untuk kemerdekaan juga, mereka menjadi pemimpin. Tidak hairanlah mereka dapat mencapai kerjasama antara kaum bagi menuntut kemerdekaan dan meneruskan kerjasama ini setelah merdeka. Kita semua amat terhutang budi kepada generasi ini yang sedikit sebanyak, menyebabkan sikap toleransi yang memberi keamanan kepada kita. Malangnya generasi yang ada sekarang

tidak tertekan oleh penjajah dan ada juga yang tidak bersekolah bersama. Jika persefahaman dahulu hendak disubur dan dikembangkan, usaha khusus hendaklah dibuat.

12. Usaha pertama telahpun dilaksanakan. Tidak siapa dapat menafikan bahawa sebarang perhubungan antara kaum adalah lebih mudah kerana ramai yang sudah fasih berbahasa kebangsaan. Di kalangan belia ramai yang fasih dengan bahasa kebangsaan sehingga ia menjadi betul-betul bahasa perantaraan di antara semua kaum belia di Malaysia. Kita yakin selepas satu generasi lagi, bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa perantaraan yang benar-benar berkesan dan ulung di negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Tetapi kita belum dapat mengatasi perasaan perkauman generasi tua daripada mempengaruhi sikap generasi muda. Generasi yang tua ini takut akan kehilangan identiti kaum mereka. Oleh itu mereka sering menekankan soal-soal perbezaan kaum, secara langsung atau tidak langsung, di kalangan generasi muda. Dari masa ke semasa mereka menjadikan kaum sebagai isu politik yang tidak dapat tidak mempengaruhi fikiran murid-murid dan anak-anak muda.

14. Kita tidak menafikan bahawa penduduk Malaysia terdiri daripada berbagai kaum. Pihak yang berkuasa tidak ada niat untuk menghapuskan mana-mana kaum. Semua kaum bebas mengekalkan identiti mereka -- iaitu bahasa, agama dan kebudayaan mereka. Tetapi di waktu kita mencapai kemerdekaan kita telah membuat satu perjanjian untuk menerima nama rasmi negara ini sebagai Malaysia, bangsa kita sebagai Bangsa Malaysia dan bahasa kita Bahasa Malaysia. Semua nama-nama ini diasaskan kepada nama penduduk asal yang terbesar di negara ini iaitu bangsa Melayu. Mengakui dan menerima Malaysia, bangsa Malaysia dan bahasa Malaysia tidak menjadikan kita semua orang Melayu. Daripada segi ethnik, kita kekal sebagai Cina atau India atau Iban atau Kadazan atau Murut dan lain-lain. Kita menjadi bangsa Malaysia hanya sebagai political identity yang mempunyai negara yang tertentu.

15. Oleh itu tidak ada sebab mengapa kita harus kluatir tentang kehilangan identiti ethnik kita. Kita tidak pun hilang bahasa atau kebudayaan ethnik kita.

16. Walau bagaimanapun hanya dengan menerima political identity kita sahaja, tidak akan wujud satu bangsa Malaysia yang bermakna. Kita mesti mempunyai bahasa dan kebudayaan yang menentukan kita adalah sebenarnya bangsa Malaysia dan kita mempunyai kesetiaan kepada negara yang sama, iaitu negara Malaysia. Jika kaum-kaum yang berlainan tidak bertegur sapa, tidak ada makna kita mengaku kita adalah daripada satu bangsa.

17. Tanpa menghapuskan identiti kaum asal kita, kita masih boleh menjadi bangsa Malaysia yang bermakna. Malaysia

bukanlah hanya satu negara sahaja di dunia ini yang mempunyai warganegara yang terdiri daripada berbagai kaum yang mengakui identiti kebangsaan yang sama. Kian lama kian banyak negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Amerika Syarikat, Australia, India dan lain-lain juga mempunyai penduduk berbilang kaum. Tetapi kita kenal orang Amerika, orang Australia dan orang India kerana ciri-ciri tertentu yang ada pada mereka. Walaupun kita lebih liberal daripada mereka, kita masih boleh membentuk ciri-ciri yang boleh dikenali sebagai khusus untuk bangsa Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Saya harap dengan penjelasan ini golongan tua tidak lagi akan khuatir identiti kaum mereka akan hilang. Dengan itu mereka tidak sepatutnya meragui usaha Kerajaan untuk mengembangkan bahasa Malaysia dan merapatkan hubungan antara kaum. Jika kita dapat mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang bercampur-gaul dengan lebih mesra dan boleh berhubung melalui satu bahasa, tidak dapat tidak, kita akan secara automatik membentuk satu kebudayaan yang khusus bagi bangsa Malaysia.

19. Masyarakat yang mempunyai satu negara, satu bahasa yang sama atau common language dan satu kebudayaan tidak dapat tidak akan mempunyai identiti yang sama yang akan diiktiraf sebagai satu bangsa. Di mana juga kita pergi, pengiktirafan ini akan menjadi nyata. Kita tidak lagi akan dikelirukan dengan bangsa-bangsa lain khususnya bangsa daripada negara asal kita. Jika kita pula berbangga dengan pengiktirafan ini, maka pada ketika itu wujudlah bangsa Malaysia yang sebenar.

20. Di tanahair kita pergaulan di antara kita perlu dipertingkatkan. Pemasyarakatan perpaduan yang kita maksudkan ialah menunjukkan perpaduan ini dalam kegiatan-kegiatan masyarakat. Sekarang ini terlalu banyak kegiatan masyarakat yang terhad kepada kaum masing-masing. Demikianlah tabiat yang diamalkan oleh kita sehingga apabila Menteri terdiri daripada orang keturunan Cina, maka majlis yang dihadirinya juga akan terdiri daripada orang-orang Cina. Jikalau Menteri Melayu, maka hadirinnya juga Melayu. Dan seterusnya. Sebenarnya ini adalah kerana dahulu kita tidak mempunyai satu bahasa yang difahami oleh semua kaum. Sekarang ini dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan semua yang hadir memahami apa yang diucapkan. Oleh itu, kegiatan kemasyarakatan yang terhad kepada satu kaum sahaja patutlah dikurangkan dan digantikan dengan kegiatan yang melibatkan bersama semua kaum.

21. Demikian juga dengan lain-lain kegiatan masyarakat. Dalam bidang sukan, majlis-majlis awam, rombongan-rombongan dan lain-lain, penyertaan semua kaum perlu digalakkan. Ini dengan sendirinya akan mengurangkan celaan dan sindiran terhadap kaum lain apabila sesuatu kaum berkumpul berasingan.

22. Sebenarnya di zaman Kesultanan Melaka, kaum-kaum memang bercampur-gaul. Perkahwinan antara kaum adalah perkara biasa. Sebab itu wujud masyarakat Cina Baba, Portugis Melaka dan Ceti. Sambil mengekalkan identiti kaum, penduduk Melaka berjaya mencipta identiti yang khusus bagi orang Melaka. Di Pulau Pinang juga, proses ini berlaku di zaman British. Perkahwinan antara kaum kerap berlaku di kalangan orang-orang beragama Islam dan kadang-kadang antara Islam dengan bukan Islam. Dengan ini terbentuk masyarakat Arab Peranakan, Melayu Peranakan, Melayu Siam dan Sam Sam, keturunan Aceh, Mandailing, Rawa, Bugis, Jawa, Banjar dan lain-lain suku kaum dari Indonesia yang menerima bahasa dan adat resam Melayu dan dengan itu diiktiraf sebagai Melayu. Percampuran ini tidak menghilangkan identiti Melayu. Demikian juga masyarakat Baba, Portugis dan Ceti tidak hilang identiti mereka.

23. Malangnya semenjak merdeka ada usaha dibuat untuk menebalkan perkauman sehingga kebudayaan yang mempunyai unsur-unsur negara ini di kalangan kaum bukan Melayu telah hilang. Aliran ini amatlah dikesali kerana kebudayaan zaman Kesultanan Melaka adalah contoh yang baik untuk integrasi kaum di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

24. Dalam usaha pemasyarakatan perpaduan, unsur-unsur kebudayaan yang berasaskan kepada ciri-ciri Kesultanan Melaka sepatutnya dihidupkan. Ia boleh menolong merapatkan lagi hubungan antara kaum sehingga perbezaan di antara kaum tidak menjadi begitu ketara.

25. Matlamat kita ialah satu Bangsa Malaysia yang mudah dikenali sebagai unik bagi warganegara Malaysia tanpa menghapuskan unsur-unsur dan budaya kaum-kaum yang berlainan keturunan yang menjadikan Malaysia tanahair mereka. Jika generasi tua tidak mempengaruhi generasi muda dengan kebimbangan mereka yang tidak berasas tentang kemungkinan hilangnya identiti kaum masing-masing, insya-Allah, dalam dua generasi lagi matlamat kita dapat dicapai.

26. Sebaliknya jika generasi tua menyedari dan menyambut baik usaha ke arah perpaduan antara kaum, dan secara aktif berusaha menjayakan pemasyarakatan perpaduan, matlamat kita akan dicapai dengan lebih cepat lagi.

27. Kempen pemasyarakatan perpaduan ini adalah untuk mempercepatkan proses pembentukan bangsa Malaysia yang bersatupadu. Saya berharap semua pihak akan berusaha memahami matlamat yang murni ini dan mengamalkan cara-cara yang telah digariskan. Mudah-mudahan akan lahir satu Bangsa Malaysia yang lebih bersatupadu, stabil dan berjaya serta dihormati oleh seluruh dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

28. Dengan kata-kata ini, saya dengan penuh ikhlas dan

harapan merasmikan Pelancaran Rancangan Pemasarakatan
Perpaduan ini.